

NO. SOALAN : 435

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI
MAHMUD**

[KOTA RAJA]

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA
MENTERI menyatakan laporan Synergy Promenade kembalikan tanah
FELDA di Jalan Semarak, Kuala Lumpur itu sebagai berita palsu atau
tidak sehingga telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan
masyarakat.**

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab isu projek pembangunan tanah FELDA di Jalan Semarak di Dewan ini pada 12 Mac 2018 dimana saya telah memaklumkan bahawa kesemua hak milik ke atas lot-lot tanah yang dipindah milik tersebut telah kembali kepada FELDA.

Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara FELDA dan pihak Pemaju projek pembangunan tanah FELDA di Jalan Semarak iaitu Synergy Promenade Sdn. Bhd. (SPSB) pada 15 Januari 2018 telah menyumbang kepada penyelesaian status hak milik tanah bagi 16 lot daripada pembangunan keseluruhan sebanyak 24 lot tanah yang terlibat bagi dibangunkan. Melalui MoU ini, pihak SPSB secara sukarela mengembalikan semula kesemua hak milik ke atas lot-lot tanah tersebut kepada FELDA dimana masing-masing telah didaftarkan di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), pada 2 Mac 2018 (14 hakmilik) dan 8 Mac 2018 (2 hakmilik) tanpa sebarang kos.

Sekian, terima kasih.

100

SOALAN : 436

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BT. MAHMUD
(KOTA RAJA)**

RUJUKAN : 10699

SOALAN :

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan keperluan untuk meningkatkan
kebijakan anggota RELA dengan manfaat caruman PERKESO dan
KWSP.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Secara umumnya, mereka yang layak didaftarkan di bawah PERKESO adalah semua pekerja yang diambil bekerja menerusi suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan di sektor swasta, serta bertaraf kontrak atau sementara bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan atau Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan atau Badan Berkanun Negeri.

Dalam hal ini, berdasarkan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) menyatakan bahawa Pegawai RELA adalah merujuk kepada penjawat awam yang dilantik oleh Menteri dan mereka ini layak memilih skim berpencen atau KWSP. Manakala anggota RELA pula merupakan sukarelawan yang menerima elaun berdasarkan kadar RM7.80 sejam bagi anggota berpangkat pegawai manakala bagi anggota biasa adalah dengan kadar RM6 sejam dalam tempoh bertugas. Walau bagaimanapun, kadar ini telah dinaikkan oleh Kerajaan kepada RM9.80 sejam bagi anggota berpangkat pegawai dan RM8 sejam bagi anggota biasa seperti mana pengumuman YAB Perdana Menteri pada 10 Mac 2018. Ini adalah salah satu usaha untuk menjaga kebajikan mereka.

Di samping elaun yang diterima, pegawai dan anggota RELA turut dilindungi melalui Skim Insurans Berkelompok dan layak memohon bantuan di bawah Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara

sekiranya mengalami kecederaan atau kematian semasa menjalankan tugas operasi.